

UMNO - serangan gereja berunsur politik bukan agama dan perpaduan

Contributed by Webmaster
Friday, 08 January 2010

UMNO tidak terlibat ! Tuduhan bahawa UMNO adalah penyebab serangan ke atas gereja sehingga ada insiden membakar gereja adalah satu tuduhan jahat politik, kata Datuk Ismail Kijo Pengerusi Biro Agama UMNO Selangor. Ada tangan-tangan hitam yang campur tangan untuk menggagalkan agenda 1 Malaysia yang hari ini menjadi program utama kerajaan yang mendapat sokongan rakyat. Datuk Ismail Kijo berkata, perencanaan membakar gereja adalah secara spesifik berunsur politik dengan hasrat dan niat jahat untuk memburuk-burukkan kerajaan hari ini. UMNO memang menentang penggunaan nama ALLAH dalam Kristian Herald tetapi UMNO tidak pernah menentang kehadiran agama lain di negara ini. UMNO sendiri mengecam perbuatan membakar dan menyerang gereja tetapi tidak akan mengambil langkah drastik apa lagi tindakan ganas dalam berdepan dengan isu ini. Datuk Ismail Kijo, dalam kenyataan ringkasnya mengatakan bahawa ini adalah usaha jahat politik khususnya untuk memburuk-buruk negara dan kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak yang kini telah berjaya seraih kembali sokongan rakyat dengan kempen 1 Malaysia. Dengar klip audio Datuk Ismail Kijo